

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN KUMPULAN TOKOH-TOKOH TERKEMUKA (EMINENT**  
**PERSONS GROUP - E.P.G) MALAYSIA-INDONESIA**  
**DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR**  
**7 JULAI 2008**

-----

Bismillahirrahmani rahim,  
Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh,

Yang Mulia Bapak Dr. Susilo Bambang Yudhoyono,  
Presiden Republik Indonesia

Yang Terhormat Menteri-menteri Kabinet  
Republik Indonesia

Para tetamu undangan sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wata'ala kerana, dengan limpah kurnia dan izin-nya, dapat Yang Mulia Bapak Presiden dan Delegasi Republik Indonesia berkunjung ke Malaysia, dan dapat kita kesempatan bersama-sama berkumpul di majlis yang sangat bererti pada petang ini.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Mulia Bapak Presiden dan Delegasi Indonesia di atas kesudian berkunjung ke Malaysia bagi kali kedua dalam tahun ini. Dan kunjungan sekarang khusus untuk menyempurnakan dua tugas penting, pertamanya untuk menyerahkan tugas Pengerusi Kumpulan D-8 kepada Malaysia dan keduanya, untuk menyempurnakan pelancaran Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka Malaysia-Indonesia (Eminent Persons Group dalam bahasa Inggeris atau gelaran pendeknya, E.P.G). Saya amat gembira sering bertemu dengan Bapak Presiden kerana pertemuan seumpama ini pasti membantu memelihara dan mengekalkan hubungan mesra antara Malaysia dan Indonesia.

Yang Mulia Bapak Presiden, para undangan yang saya hormati sekalian,

3. Pada tahun 2007, Malaysia dan Indonesia telah sama-sama menyambut ulang-tahun ke-50 perhubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Dalam tempoh lima puluh tahun itu, kedua-dua telah mengharungi pelbagai peristiwa pahit manis dalam sejarah negara masing-masing dan demikian juga dalam hubungan antara kedua-dua negara kita. Namun demikian, tali persaudaraan dan persahabatan yang sejati tetap kekal antara Malaysia dan Indonesia. Berkat usaha-usaha bersama yang berterusan untuk membina persefahaman, hubungan antara kedua-dua negara tetap baik dan kuat.

4. Keakraban dan perkembangan yang sangat positif dalam hubungan Malaysia-Indonesia adalah ternyata di dalam pelbagai bidang seperti perladangan, perdagangan, pendidikan, perbankan, telekomunikasi dan lain-lain. Kita harus terus berusaha mempertingkatkan kerjasama ini ke tahap yang lebih tinggi supaya hubungan yang akrab ini berkekalan untuk kebaikan bersama dan menguntungkan generasi-generasi yang akan datang.

Yang Mulia Bapak Presiden, para undangan yang saya hormati sekalian,

5. Maka amat kenalah pada tempatnya bahawa Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Malaysia telah bersetuju agar di tubuh satu Kumpulan E.P.G yang melambangkan persahabatan yang istimewa dan berkekalan antara Indonesia dan Malaysia. Kumpulan ini boleh juga berkongsi pendapat demi mengekalkan hubungan erat antara kedua negara dan meningkatkan tahap dan isi kandung perhubungan itu secara berterusan. Permuafakatan dan hasil perbincangan Kumpulan E.P.G ini bolehlah diserahkan kepada Kerajaan masing-masing untuk pertimbangan dan pelaksanaan.

6. Oleh yang demikian, saya amatlah bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izinnya kita berjaya pada hari ini merasmikan penubuhan E.P.G Malaysia-Indonesia. Wujudnya hubungan rapat yang merangkumi pelbagai bidang dan lapisan masyarakat dalam kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia memang sangat membanggakan kita semua. Bersama-samalah kita berdoa dan berusaha untuk mengekalkan keadaan yang sejahtera ini.

7. Dengan doa dan harapan ini, saya ingin memperkenalkan barisan anggota-anggota E.P.G dari Malaysia:

(i) Y.A.Bhg. Tun Musa Hitam (Pengerusi),  
Bekas Timbalan Perdana Menteri;

(ii) Gen. (R) Tan Sri Dato' Seri Mohd Zahidi Haji Zainuddin,  
Bekas Panglima Angkatan Tentera;

(iii) Profesor Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim,  
Sejarawan dan Cendekiawan;

(iv) Tan Sri Halim Ali,  
Bekas Ketua Setiausaha Negara;

(v) Tan Sri Amar Dr. Haji Hamid Bugo,  
Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak;

(vi) Datuk Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas,  
Ketua Pengarah IKIM; dan

(vii) Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan.  
Timbalan Ketua Menteri Sabah

8. Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas lantikan anggota-anggota E.P.G dan berharap agar Kumpulan E.P.G Malaysia-Indonesia bersedia menjalankan tugas mereka dan seterusnya berjaya mencapai cita-cita dan matlamat kita bersama. Saya yakin mereka semua akan menerima tanggung-jawab ini sebagai satu tugas mulia yang akan menguntungkan kedua-dua negara bagi jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi menyampaikan rasa terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Yang Mulia Bapak Presiden Susilo Bambang Yudhoyono dan Delegasi Republik Indonesia kerana telah sudi datang berkunjung ke Malaysia untuk sama-sama hadir pada detik yang bersejarah ini.

Saya akhiri dengan doa wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.